

Langkah Dubai

# Ismail Sabri nafi terbabit komplot, dakwa difitnah

Bekas Perdana Menteri sahkan tiada di Dubai ketika rancangan singkir kerajaan

Oleh Wartawan BH  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengesahkan beliau tidak berada di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE), sekali gus

menafikan dirinya terbabit dalam gerakan didakwa mahu menjatuhkan kerajaan.

Naib Presiden UMNO itu berkata, adalah satu fitnah sekiranya dirinya dikaitkan dengan gerakan berkenaan.

“Saya tidak tahu-menahu mengenai perkara itu (gerakan menjatuhkan kerajaan), saya tidak terbabit, malah tidak juga ada di sana (Dubai).

“Ketika dakwaan itu dilemparkan, saya berada di Makkah dan Madinah untuk menunaikan ibadah umrah,” katanya kepada *BH* semalam.

Sabtu lalu, Timbalan Ketua Pengarah (Komunikasi Komuniti) Jabatan Komunikasi Komu-

niti (J-KOM), Datuk Ismail Yusop dilaporkan mendakwa wujud satu gerakan yang sedang dirancang bagi menjatuhkan

Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didalangi pemimpin parti pembangkang bersama wakil kerajaan.

## Tokoh politik veteran

Ismail Yusop mendakwa, rancangan digelar sebagai ‘Langkah Dubai’ itu timbul sewaktu percutian pemimpin Perikatan Nasional (PN), termasuk daripada pihak kerajaan di ibu kota UAE, baru-baru ini.

“Pertemuan itu berlangsung untuk berunding, selain mene-

tapkan tugas tertentu kepada ‘pegawai’ yang dipertanggungjawab untuk mengenal pasti Ahli Parlimen yang berpotensi beralih sokongan kepada pembangkang dengan sogokan, semata-mata mahu menubuhkan kerajaan ‘tebuk atap,’” katanya.

Selain pemimpin PN, beliau mendakwa ada juga pembabitan tokoh politik veteran berpengaruh berpangkat Tun yang bersekongkol dengan pembangkang, termasuk dikatakan menggunakan ‘sumber asing’ untuk menggulingkan pentadbiran diterajui Anwar.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, beliau sudah pulang ke tanah air sejak kelmarin dan tidak berada di lokasi sedemikian

“Saya tidak tahu-menahu mengenai perkara itu (gerakan menjatuhkan kerajaan), saya tidak terbabit, malah tidak juga ada di sana (Dubai)”



Ismail Sabri Yaakob, Bekas PM

atau menemui mana-mana pihak seperti didakwa.

“Pada 24 Disember lalu, saya tiba di Madinah dari Kuala Lumpur. Dua hari selepas itu (26 Disember) saya ke Makkah untuk mengerjakan ibadah umrah.

“Kelmarin (Sabtu lalu), saya terbang ke Kuala Lumpur dari Makkah dan tiba ke Kuala Lumpur kira-kira pada waktu awal pagi,” katanya.